



**HAK WANITA DALAM PERUNDANGAN
HAK PENJAGAAN KANAK-KANAK
(ISLAM DAN BUKAN ISLAM)**

HAK PENJAGAAN / HADHANAH : ORANG ISLAM

1. Soalan : Siapakah **yang berhak** menjaga anak?

Jawapan : **Ibu** adalah yang paling berhak menjaga anak sama ada **dalam perkahwinan** atau **selepas perceraian**.

2. Soalan : Adakah **ibu boleh hilang kelayakan** menjaga anaknya?

Jawapan : Ya, boleh. Apabila **ibu berkelakuan tidak baik** dan melakukan perkara lain yang boleh memudaratkan anaknya.

3. Soalan : Jika ibu hilang kelayakan, **siapakah yang berhak menjadi penjaga?**

Jawapan : Sekiranya ibu hilang kelayakan, berikut adalah orang yang layak mendapat hak penjagaan **mengikut susunan keutamaan:**

- (a) nenek sebelah ibu hingga ke atas;
- (b) bapa;
- (c) nenek sebelah bapa hingga ke atas;
- (d) kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (e) kakak atau adik perempuan seibu;
- (f) kakak atau adik perempuan sebapa;
- (g) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (h) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu;
- (i) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa;
- (j) emak saudara sebelah ibu;
- (k) emak saudara sebelah bapa;
- (l) waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai asabah atau residuari;

4. Soalan : Apakah **syarat-syarat** menjadi **penjaga**?

Jawapan :

- (a) Islam;
- (b) Sempurna akal;
- (c) berumur yang melayakkan dia memberikan kepada anak itu jagaan dan kasih sayang yang diperlukan oleh anak itu;
- (d) berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- (e) dia tinggal di tempat di mana anak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

5. Soalan : Adakah terdapat tempoh yang ditetapkan menurut undang-undang untuk penjagaan anak?

Jawapan : Ya, ada.

6. Soalan : Berapa lamakah **tempoh tersebut**?

- Jawapan : (a) Anak lelaki sehingga mencapai umur **7 tahun**;
(b) **Anak perempuan sehingga mencapai umur 9 tahun.**

7. Soalan : Apakah yang berlaku selepas tamat tempoh penjagaan tersebut?

Jawapan : Anak berhak **memilih** untuk tinggal bersama **ibu atau bapanya**, melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya.

8. Soalan : Bagaimanakah **proses tuntutan hak penjagaan anak** di **Mahkamah Tinggi Syariah**?

Jawapan : (i) Ambil borang tuntutan penjagaan anak di Mahkamah Tinggi Syariah yang berdekatan;

(ii) Lengkapkan borang dan sertakan dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan penuntut dan salinan sijil kelahiran anak (disah benar oleh JPN), salinan sijil nikah (disah benar oleh JHEAINS) dan dokumen lain berkaitan (jika ada);

(iii) Failkan borang berserta dokumen sokongan tersebut di Mahkamah Tinggi Syariah di mana anda bermastautin;

(iv) Sila hadir pada tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah.

9. Soalan : Bolehkah pemfailan tuntutan dibuat dengan khidmat Peguam Syarie?
Jawapan : Ya, boleh. Anda boleh menggunakan khidmat Peguam Syarie daripada Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sabah atau Peguam Syarie swasta.

10. Soalan : Selepas perceraian dan **belum ada sebarang Perintah hak penjagaan Anak** di Mahkamah Syariah, **siapakah yang berhak** untuk menjaga anak tersebut?

Jawapan : Kedua-dua **Ibu dan bapa** masih berhak menjaga anak mereka.

11. Soalan : **Kenapa perlu ada** Perintah Mahkamah Syariah?

Jawapan : 1. **Menentukan anak di bawah jagaan siapa;**

2. **Supaya jabatan berkaitan** seperti Polis, Imigresen, JHEAINS dan lain-lain yang berkaitan **dapat memberi bantuan** sewajarnya;

3. **Kebajikan anak terjaga.**

12. Soalan : **Sementara belum ada Perintah Mahkamah**, apakah yang boleh dilakukan?

Jawapan : **Faalkan Permohonan Hak Penjagaan Sementara (interim)** di Mahkamah Tinggi Syariah di tempat anda.

13. Soalan : Apakah **tujuannya**?

Jawapan : 1. Sementara menunggu hak penjagaan kekal;

2. Untuk mengelak anak dibawa keluar daripada kampung, daerah, negeri dan negara;

3. Mudah mendapat bantuan keselamatan daripada Polis, Imigresen, JHEAINS dan lain-lain yang berkaitan;

4. Menjaga kebajikan anak itu.

14. Soalan : Adakah Perintah yang dikeluarkan oleh negeri Sabah boleh digunakan di negeri lain dalam Malaysia?

Jawapan : Boleh. Mohon Perintah bersaling daripada Mahkamah agar boleh digunakan di negeri lain.

15. Soalan : Bagaimana pula jika perintah tersebut hendak digunakan di luar negara?

Jawapan : Kena melalui proses menurut peraturan dan undang-undang Negara tersebut.

16. Soalan : Selain proses yang dinyatakan di atas, adakah cara lain yang boleh membantu ibu atau bapa mengambil anak tersebut?

Jawapan : Proses yang dinyatakan di atas memerlukan kos yang tinggi dan tempoh yang panjang. Cadangan yang anda boleh lakukan selain proses tersebut adalah seperti berikut:-

1. Berbincang secara damai dengan bekas pasangan;
2. Pastikan perbincangan adalah untuk menjaga kebajikan anak itu dan mudahkan pasangan anda untuk berjumpa dan melawat anak;
3. Anak memerlukan kasih sayang dari kedua-dua ibu dan bapanya. Bukan kasih dari satu orang sahaja. Pertalian anak dengan ibu dan bapanya tidak akan putus;
4. Bersedia menanggung kos perjalanan pengambilan anak kerana tidak ada orang lain menanggung perbelanjaan itu melainkan diri sendiri yang menyediakannya;
5. Semasa anda mengambil anak, rujuk perkara ini kepada Kementerian Dalam Negeri dan Kedutaan Malaysia di Negara tersebut untuk keselamatan diri.

HAK PENJAGAAN : ORANG BUKAN ISLAM

1. Soalan : Apakah yang dimaksudkan dengan "jagaan" (custody) dan "penjagaan" (guardianship)?

Jawapan : "Jagaan" bermaksud seseorang kanak-kanak tinggal bersama-sama dengan penjaganya, bermaksud sekiranya si ibu mendapat hak jagaan maka si anak akan tinggal bersama ibunya.

"Penjagaan" merujuk kepada perhubungan yang timbul daripada ketidakupayaan semula jadi kanak-kanak untuk menguruskan hal diri mereka (contoh: membuat keputusan mengenai pendidikan dan pentadbiran harta).

2. Soalan : Apakah hak-hak penjaga (guardian)?

Jawapan : Hak seseorang penjaga (guardian) termasuklah hak untuk:

- (a) menentukan pendidikan anak;
- (b) memberi nama anak;
- (c) tindakan disiplin;
- (d) pemilihan agama;
- (e) pentadbiran harta;
- (f) persetujuan untuk berkahwin bagi anak yang berumur di bawah 21 tahun;
- (g) perubatan; dan
- (h) membenar atau menolak permohonan pasport dan sebagainya.

Lazimnya, seseorang yang mendapat hak jagaan anak akan mempunyai penjagaan ke atas anak itu walaupun pihak lain yang berkepentingan akan mendapat "akses" iaitu hak melawat dan melihat.

3. Soalan : Siapakah yang boleh memohon hak penjagaan anak?

Jawapan : Orang yang boleh memohon hak penjagaan anak ialah -

(a) ayah;

(b) ibu;

(c) saudara mara;

(d) persatuan;

(e) sesiapa yang sesuai/layak;

(f) mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang diputuskan oleh mahkamah.

4. Soalan : Siapakah yang paling utama berhak terhadap penjagaan anak?

Jawapan : Ibu adalah lebih berhak terhadap penjagaan anak sekiranya anaknya berusia di bawah 7 tahun. Tertakluk kepada fakta kes yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah, adalah tidak wajar untuk mengganggu kehidupan kanak-kanak tersebut dengan bertukar penjagaan daripada seorang penjaga kepada penjaga yang lain.

5. Soalan : Siapakah orang yang menjadi penjaga kepada anak menurut undang-undang?

Jawapan : Bapa. Walau bagaimanapun, ia boleh berubah kepada ibu atau sesiapa sahaja menurut perintah mahkamah setelah mengambil kira kebajikan anak tersebut.

6. Soalan : Apakah faktor utama yang akan diberi pertimbangan oleh mahkamah berhubung dengan penjagaan anak?

Jawapan : Kebajikan kanak-kanak tersebut menjadi faktor yang utama. Faktor utama bermakna ia mengatasi pertimbangan yang lain.

7. Soalan : Apakah perkara-perkara lain yang akan diberi pertimbangan oleh mahkamah?

Jawapan : Perkara lain yang akan diberi pertimbangan oleh mahkamah ialah:

- (a) hasrat ibu bapa kanak-kanak tersebut;
- (b) kemahuan kanak-kanak itu sendiri sekiranya dia berada dalam peringkat umur yang boleh menyatakan pendapatnya dengan bebas;
- (c) umur dan jantina kanak-kanak tersebut;
- (d) agama dan adat resam;
- (e) bangsa dan latar belakang budaya;
- (f) kelakuan pihak-pihak yang membuat tuntutan;
- (g) kemungkinan pihak-pihak berdamai;
- (h) kelebihan dari segi pendidikan dan material; dan
- (i) faktor kesihatan dan perubahan.

8. Soalan : Bagaimanakah sekiranya terdapat lebih daripada seorang kanak-kanak yang terlibat dengan tuntutan penjagaan?

Jawapan : Pertimbangan akan diberikan kepada kebajikan tiap-tiap kanak-kanak tersebut secara berasingan. Sebolehnya kanak-kanak ini tidak akan dipisahkan. Walau bagaimanapun, mahkamah tidak terikat untuk meletakkan kesemua mereka di bawah penjagaan seorang penjaga sahaja.

9. Soalan : Siapakah yang berhak ke atas penjagaan anak tak sah taraf?

Jawapan : Penjagaan anak tak sah taraf adalah terletak kepada ibu kandung kanak-kanak tersebut.

10. Soalan : Apakah syarat-syarat lain yang boleh dikenakan oleh mahkamah berhubung dengan perintah jagaan?

Jawapan : Syarat-syarat lain yang boleh dikenakan oleh mahkamah ialah:

- (a) tempat di mana kanak-kanak itu akan tinggal, pendidikan dan agama;
- (b) supaya kanak-kanak itu buat sementara berada dalam kawalan dan pemeliharaan seorang yang lain daripada orang yang diberi penjagaan kanak-kanak itu;
- (c) melarang orang yang mendapat hak jagaan membawa kanak-kanak tersebut keluar dari Malaysia.

11. Soalan : Berapa lamakah tempoh penjagaan anak?

Jawapan : Tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh pihak-pihak. Sekiranya tidak ada apa-apa syarat, tempoh penjagaan ialah sehingga kanak-kanak tersebut berusia 18 tahun dan nafkah bagi anak yang tidak berkeupayaan selama ketidakupayaan itu berterusan atau sehingga ditentukan oleh mahkamah.

12. Soalan : Bolehkah perintah penjagaan anak dipinda?

Jawapan : Perintah penjagaan anak boleh dipinda sekiranya mahkamah mendapati terdapat perubahan **matan** dalam hal keadaan atau sekiranya boleh dibuktikan bahawa perintah terdahulu dibuat berdasarkan fakta yang salah.

13. Soalan : Apakah kewajipan seseorang penjaga kanak-kanak?

Jawapan : Seseorang penjaga kanak-kanak adalah bertanggungjawab terhadap penangguhan kesihatan dan pendidikan.

14. Soalan : Bagaimanakah cara menentukan penjagaan anak yatim?

Jawapan : Penjagaan anak yatim adalah tertakluk kepada wasiat ibu bapa kanak-kanak tersebut.

15. Soalan : Siapakah yang berhak ke atas penjagaan kanak-kanak sekiranya ibu bapa kanak-kanak tersebut meninggal dunia tanpa wasiat?

Jawapan : Majistret, Penghulu, Pegawai Polis, Pelindung kanak-kanak tersebut dan sesiapa yang mempunyai kuasa di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 boleh memohon kepada mahkamah untuk melantik penjaga kepada kanak-kanak yatim piatu yang ibu bapanya meninggal tanpa wasiat.

16. Soalan : Siapakah yang menjaga harta kanak-kanak tersebut?

Jawapan : Mahkamah akan melantik seorang penjaga atau wasi atau pemegang amanah dengan syarat-syarat tertentu.

17. Soalan : Apakah kewajipan penjaga terhadap harta kanak-kanak tersebut?

Jawapan : Penjaga akan bertanggungjawab terhadap pengurusan harta dan boleh membuat apa-apa tindakan yang munasabah dan berpatutan bagi penghasilan atau perlindungan harta tersebut.

18. Soalan : Apakah maklumat dan dokumen yang diperlukan bagi menuntut penjagaan anak?

Jawapan : Maklumat dan dokumen yang diperlukan bagi menuntut penjagaan anak adalah seperti yang berikut:

- (a) kad pengenalan;
- (b) surat nikah/cerai asal;
- (c) sijil kelahiran anak;
- (d) nama dan alamat;
- (e) pekerjaan;
- (f) perintah perceraian;
- (g) laporan perubatan;
- (h) laporan polis;
- (i) nama majikan;
- (j) saksi;
- (k) penyata gaji;
- (l) perakuan daripada majikan;
- (m) pengesahan pemastautinan pihak yang menuntut; dan
- (n) apa-apa dokumen yang berkaitan.

Disediakan Oleh:

Pusat Bantuan Guaman Wanita dengan kerjasama
Jawatankuasa Undang-undang, Majlis Penasihat Wanita Sabah



Diterbitkan Oleh:

Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah
Tingkat 3 & 4, Wisma Wanita, Km. 3.5, Jalan Tuaran,
Beg Berkunci 2082, 88999 Kota Kinabalu, Sabah
Tel.: 088-236110 Faks: 088-236125
website : www.wanita.sabah.gov.my
<http://www.facebook.com/jhewas>

Sumber Rujukan:

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah 2004
Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]
Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992
Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

Perhatian:

*Risalah ini hanya sebagai panduan sahaja. Anda adalah dinasihatkan untuk
mendapatkan nasihat pakar sebelum mengambil tindakan.*